



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(LUAS)

**PANDUAN PROSEDUR PENUTUPAN TELAGA BAGI
PEMEGANG LESEN ABSTRAKSI AIR BUMI
DI BAWAH ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR
SELANGOR 1999**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
TINGKAT 12 & 13
BANGUNAN DARUL EHSAN
NO 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR.
TEL : 03-55111800
FAX : 03-55101800
www.luas.gov.my**

PANDUAN PROSEDUR PENUTUPAN TELAGA

Langkah 1 : Penyediaan tapak

- a) Keluarkan semua peralatan pam, bersihkan telaga dan kawasan persekitaran.

Langkah 2 : Membasmi kuman

- a) Untuk membasmi kuman, klorin digunakan sebanyak 200mg setiap 1liter air telaga bagi mengelakkan berlaku pencemaran kepada telaga lain yang berhampiran.

Langkah 3 : Menimbus telaga pada kedalaman paras air bumi

- a) Ukur paras air telaga dan kira isipadu air tersebut
- b) Gunakan pasir bersih untuk menimbus telaga dengan kadar isipadu yang sama dengan isipadu air telaga.

Langkah 4 : Menimbus telaga pada kedalaman atas paras air bumi

- a) Timbus telaga dengan menggunakan tanah liat atau bentonite atau bahan lain yang rendah porositi dan boleh mendap sehingga pada jarak 6 kaki dari permukaan tanah.

Langkah 5 : Menutup telaga

- a) Bahan yang digunakan adalah simen atau konkrit grout, dan bentonite. Simen grout adalah campuran bahan simen portland dan pasir pada nisbah kuantiti yang sama. 5 hingga 6 gelen air digunakan untuk setiap 42kg simen. Penggunaan granular bentonite atau chips bentonite adalah digalakkan kerana mudah untuk digunakan.
- b) Tutup telaga dengan menimbus menggunakan bahan di atas pada sekurang-kurangnya 3 kaki dalam.

Langkah 6 : Memotong selongsong (casing)

- a) Gali tanah sekurang-kurangnya 3 kaki dalam di sekeliling telaga kemudian potong selongsong pada kedalaman 3 kaki dari permukaan tanah dan timbus semula dengan tanah.

Peringatan :

- Prosedur penutupan tidak terhad kepada garis panduan yang disediakan sahaja tetapi boleh juga di atas pertimbangan/ pengesahan pegawai.